

Dasar ekonomi Reformisme

Oleh Tony Cliff

Dari *Socialist Review*, 1957. Hak cipta Socialist Review.

Diterjemahkan oleh Muhammad Salleh (Mei 2002).

Kita sedang menghayati zaman yang penting bagi tamadun manusia. Dalam setengah abad yang lalu, umat manusia telah mengalami dua peperangan besar dan kini sedang hidup di bayang-bayang kemusnahan sepenuhnya. Generasi pusa masa ini telah menyaksikan pengangguran berleluasa dan kebuluran, fasisme dan bilik gas, pembunuhan zalim rakyat kolonial di Kenya dan Malaya, Maghribi dan Korea.

Namun, di kalangan pergolakan-pergolakan ini, kelas pekerja di beberapa negara di dunia Barat – Amerika Syarikat, Britain, Kanada, Norway, Sweden, Belanda, Denmark, Jerman dan lain-lain – menunjukkan kesetiaan degil kepada Reformisme, iaitu kepercayaan dalam kemungkinan perbaikan besar dalam keadaan-keadaan di bawah kapitalisme, dan penolakan penumbangan revolusioner kapitalisme. Mengapa? Mengapa sikap tidak peduli dan penolakan perubahan-perubahan revolusioner dalam masyarakat, sambil umat manusia secara menyeluruh berada dalam genggaman perjuangan hidup dan mati?

Hanya jika kita mendapat jawapan yang tepat kepada soalan ini dapat kita menjawab satu lagi soalan yang lain: Berapa lamakah dapat Reformisme menolak ke tepi hasrat revolusioner kelas pekerja? Tidak terdapatnya soalan yang lebih penting bagi pihak Sosialis di dunia Barat dan maka bagi gerakan Sosialis sedunia. Rencana ini adalah percubaan untuk menyumbangkan sesuatu kepada penjelasan masalah-masalah ini.

Teori Lenin

Marxsis paling penting yang menghuraikan dasar Reformisme merupakan Lenin.

Pada tahun 1915, dalam rencana yang bertajuk 'Penumbangan Internasional,' Lenin menjelaskan Reformisme, atau untuk menggunakan ungkapannya, Pengambilan Kesempatan, seperti berikut: "Zaman imperialisme adalah zaman di mana pengagihan dunia menentang negara-negara 'hebat' dan berkeistimewaan, oleh siapa setiap negara lain ditindas, adalah disempurnakan. Sisa hadiah yang dinikmati oleh golongan berkeistimewaan hasil daripada penindasan ini sudah pasti jatuh kepada bahagian-bahagian tertentu dari borjuasi kecil dan golongan bangsawan dan birokrasi kelas pekerja."

Berapa besarkan bahagian kelas pekerja yang menerima 'sisa hadiah' ini? Lenin mengatakan, "... bahagian-bahagian ini mewakili minoriti sangat kecil daripada proletariat dan golongan bekerja."

Dan seiras dengan kajian ini, Lenin menghuraikan Reformisme sebagai "kesetiaan sebahagian daripada kelas pekerja dengan borjuasi, menentang majoriti proletariat."

Dasar ekonomi bafi 'bangsawan pekerja' yang kecil dapat dijumpai, menurut Lenin, dalam imperialisme dan keuntungan besar. Dia menulis dalam keterangan bertarikh 6hb

Julai 1920, kepada bukunya bertajuk *Imperialisme: Tahap Tertinggi Kapitalisme*:

“Sememangnya, dari *keuntungan besar* seperti itu (kerana ia dirangkul lebih dahulu daripada keuntungan yang pihak kapitalis pemerah dari pekerja di negara mereka ‘sendiri’), *ia tidak mustahil untuk merasuahi* pemimpin-pemimpin pekerja dan lapisan teratas bangsawan pekerja. Dan pihak kapitalis dari negara-negara ‘maju’ memang merasuahi mereka: mereka merasuahi dengan seribu cara, secara langsung dan tidak langsung, tersurat dan tersirat.

“Lapisan pekerja yang dijadikan borjuasi atau ‘bangsawan pekerja,’ yang telah menjadi borjuasi kecil dalam cara kehidupan, dalam jumlah pendapatan, dan dalam pandangan, digunakan sebagai sokongan utama bagi Internasional Kedua dan, pada hari kami, *sokongan sosial* (bukan ketenteraan) *utama bagi borjuasi*. Mereka merupakan *ejen-ejen borjuasi dalam gerakan pekerja*, leftenan pekerja bagi kelas kapitalis, pendukung reformisme dan cauvisnisme.”

Kesimpulan lwn. fakta

Kesimpulan yang tidak dapat dielakkan mengikut kajian Lenin mengenai Reformisme adalah bahawa lapisan konservatisme nipis menyembunyikan desakan revolusioner majoriti pekerja. Mana-mana penghancuran lapisan ini akan mendedahkan lahar revolusioner. Peranan parti revolusioner adalah untuk menunjukkan majoriti pekerja bahawa kepentingan mereka sedang dianiyai oleh ‘minoriti sangat kecil’ yang terdiri daripada bangsawan pekerja.

Namun, kesimpulan ini tidak disahkan oleh sejarah Reformisme di Britain, Amerika Syarikat dan di merata-rata dalam setengah abad yang lalu: kekukuhannya, penyebarannya di *kalangan* kelas pekerja, menghampakan dan memulaukan minoriti-minoriti revolusioner, menjadikannya jelas bahawa akar ekonomi dan sosial Reformisme bukannya terletak dalam “minoriti sangat kecil daripada proletariat dan golongan bekerja” seperti yang Lenin memperdebatkan.

Menunjukkan di mana kajian Lenin tidak menepati sasaran akan membantu kita melihat dengan lebih jelas dasar ekonomi, sosial dan bersejarah Reformisme.

Bagaimana untuk membuang serpihan

Soalan pertama yang seseorang perlu bertanya apabila berhadapan dengan kajian Lenin adalah berikut: Bagaimana keuntungan besar, misalnya, bagi perusahaan-perusahaan Britain di negara-negara jajahan, membawa “pembuangan serpihan” kepada “bangsawan pekerja” di Britain? Jawapan kepada soalan ini menafikan seluruh kajian Lenin mengenai Reformisme.

Untuk mengambil satu contoh, Syarikat Minyak Anglo-Iran telah menarik keuntungan sangat besar dalam dekad-dekad yang lalu. Bagaimanakah ini membawa serpihan dibuang kepada bangsawan pekerja? Pertama sekali, syarikat ini hanya mengupah sejumlah pekerja yang kecil di Britain. Dan malah mereka bukannya tidak diberikan gaji yang lebih tinggi kerana kadar keuntungannya adalah tinggi. Tidak terdapat kapitalis yang mengatakan kepada pekerja: “Saya telah membuat keuntungan besar tahun ini, jadi saya bersedia untuk memberikan anda gaji yang lebih tinggi.”

Imperialisme, dan pengeksporan kapital, dapat membawa kesan pada tahap gaji di

negara perindustrian dengan memberikan pekerjaan kepada ramai pekerja yang menciptakan jentera, landasan keretapi, lokomotif, dan sebagainya, yang merupakan inti sebenar kapital yang dieksport. Pengaruh pada kadar pengangguran ini sememangnya mempunyai kesan pada kadar gaji secara umum. Tetapi mengapakah ia hanya mempunyai kesan pada gaji benar “minoriti sangat kecil”? Adakah peningkatan dalam peluang pekerjaan, dan pengurangan pengangguran, membawa kebangkitan kumpulan “bangsawan pekerja” yang kecil sambil keadaan-keadaan majoriti kelas pekerja tidak dipengaruhi sama sekali? Adakah keadaan peluang pekerjaan menyenangkan bagi peningkatan perbezaan di antara pekerja mahir dan tidak mahir? Sudah pasti tidak.

Seseorang mungkin memperdebatkan bahawa keuntungan besar pihak kapitalis bagi pelaburan mereka di negara-negara jajahan membawa peningkatan gaji dalam cara yang lain: bahawa pihak kapitalis tidak menentang perundangan buruh yang mempertahankan keadaan-keadaan pekerja seperti yang dilakukan pada masa keuntungan rendah. Ini memang tepat. Tetapi perundangan ini tidak dapat dikatakan membawa perbezaan di antara taraf kehidupan di antara lapisan-lapisan kelas pekerja yang berlainan.

Kita naik bersama-sama

Lihatlah contoh-contoh seperti pembatasan tenaga pekerja kanak-kanak atau pembatasan tenaga pekerja perempuan dalam industri tertentu. Ini tidak mempunyai kesan pada bekalan, dan maka gaji, dalam pasaran pekerja mahir lebih daripada pasaran pekerja tidak mahir. Pembatasan masa bekerja juga tidak mempunyai kesan yang lebih besar pada pasaran pekerja mahir daripada tidak mahir. Sememangnya, semua yang meningkatkan taraf kehidupan majoriti pekerja, mahir dan separuh mahir, *mengurangkan* perbezaan di antara taraf mereka dan taraf pekerja mahir. Semakin tinggi taraf kehidupan umum, termasuk taraf pendidikan, semakin senang ia adalah bagi pekerja tidak mahir untuk menjadi pekerja separuh mahir atau mahir sepenuhnya. Beban kewangan pembantuan lebih senang didukung oleh pekerja yang lebih kaya. Dan semakin senang keadaannya bagi pekerja mempelajari sesuatu kemahiran, semakin kecil adalah perbezaan gaji di antara pekerja mahir dan tidak mahir.

Sekali lagi, seseorang dapat memperdebatkan bahawa imperialisme membuang “serpihan” kepada pekerja melalui fakta bahawa ia mendapat bahan-bahan makanan (dan bahan-bahan mentah) dengan sangat murah dan negara-negara jajahan yang mundur. Tetapi faktor ini, sekali lagi, mempunyai kesan pada taraf kehidupan bukan sahaja minoriti “bangsawan pekerja” tetapi seluruh kelas pekerja di negara-negara mundur. Pada tahap ini, dengan meningkatkan taraf kehidupan umum, ia *mengurangkan* perbezaan di antara bahagian-bahagian kelas pekerja ini.

Kesan kesatuan-kesatuan pekerja dan aktiviti politik oleh gerakan pekerja secara umumnya adalah serupa. Semakin baik keadaan-keadaan umum pekerja, semakin kurang perbezaan pendapatan di antara bahagian-bahagiannya. (Ini hanya sebahagiannya ditanggungkan apabila kesatuan-kesatuan pekerja terdiri hanya daripada pekerja mahir.)

Sebenarnya, segala pengalaman bersejarah menunjukkan bahawa semakin kurang hak-hak pekerja dan semakin melaratnya mereka, semakin besar perbezaan di antara pekerja, terutamanya di antara pekerja mahir dan tidak mahir. Ini ditunjukkan dengan jelas oleh rajah berikut yang membandingkan gaji pekerja mahir dan tidak mahir di antara dua Perang Dunia di sebuah negara maju seperti Britain dan sebuah negara mundur seperti Rumania:

Rajah 1: Gaji pekerja mahir sebagai peratus gaji pekerja tidak mahir

	Tukang membu at corak	Tukang pasang	Tukang membu at acuan besi	Tukang pemasa ng paip	Tukang elektrik	Tukang kayu	Tukang cat
Britain	131	127	130	147	152	147	146
Rumani a	200	210	252	300	182	223	275

(Dari Clark, *Conditions of Economic Progress*, London, 1950, muka surat 460)

Atau mengambil contoh yang lain: "... seorang jurutera lokomotif dengan jangka masa perkhidmatan dan penilaian biasa menerima 3.3 kali ganda gaji seorang pekerja tidak mahir dengan jangka masa perkhidmatan biasa di Spanyol, sambil di New Zealand, nisbahnya hanyalah 1:2" (Clark, *Conditions of Economic Progress*, London, 1950, muka surat 46).

Ia dapat ditunjukkan secara statistik bahawa dalam abad yang lalu, perbezaan dalam kelas pekerja di Britain (serta di kebanyakan negara perindustrian yang lalu) telah menjadi lebih kecil, dan bahawa bukan sahaja "minoriti sangat kecil" tetapi seluruh kelas pekerja telah menikmati peningkatan taraf kehidupan. Untuk membuktikan fakta terakhir ini, seseorang hanyalah perlu membandingkan keadaan-keadaan di Britain pada masa ini dengan keadaan-keadaan pekerja pada tahun 1845 seperti yang dijelaskan oleh Engels dalam *The Conditions of the Working Class in England*.

Dari mana datangnya kita

Ini merupakan penjelasannya mengenai keadaan-keadaan perumahan biasa:

"Di mukim St. John dan St. Margaret, terdapat pada tahun 1840, menurut *Jurnal Masyarakat Statistik*, 5,366 keluarga pekerja dalam 5,294 "rumah" (jika ia dapat diberikan nama tersebut!), lelaki, perempuan dan kanak-kanak dibuang bersama tanpa perbezaan umur atau jantina, 26,830 orang kesemuanya; dan daripada keluarga-keluarga ini, tiga perempat memiliki hanya satu bilik.

"Mereka yang mempunyai sesuatu tempat perlindungan adalah bernasib baik, bernasib baik dalam perbandingan dengan yang tidak mempunyai rumah. Di London, lima puluh ribu orang manusia bangun setiap pagi, tanpa mengetahui di mana mereka akan tidur pada waktu malam. Yang paling bernasib baik dari kalangan ini, mereka yang berjaya menjimatkan sedikit duit sehingga waktu petang, memasuki rumah penginapan, seperti yang terdapat di setiap bandar besar, di mana mereka menjumpai katil. Tetapi katil bagaimana pula! Rumah-rumah ini dipenuhi dengan katil dari bilik di bawah tanah ke loteng, empat, lima, enam katil dalam satu bilik: sebanyak yang dapat dimasukkan. Pada setiap katil, empat, lima atau enam orang manusia dihimbunkan, sebanyak yang dapat dimasukkan, sakit dan sihat, muda dan tua, mabuk dan sedar diri, lelaki dan perempuan, seperti yang mereka datang, tanpa perbezaan. Kemudian datangnya kesusahan, pergaduhan, kecederaan, atau jika mereka tidak bersetuju, lebih teruk lagi; pencurian dirancang dan benda-benda dilakukan yang bahasa kita, yang lebih berperikemanusiaan daripada tingkah laku, enggan merekodkan. Dan mereka yang tidak mampu membayar

bagi perlindungan seperti itu? Mereka tidur di mana mereka dapat, di lorong-lorong, tempat perjalanan, di siku jalan di mana polis dan pemilik-pemilik membiarkan mereka tanpa diganggu.”

Kesihatan, pakaian, kebersihan dan pendidikan semuanya berada pada taraf yang serupa. Seseorang tidak memerlukan bukti lagi bahawa keadaan-keadaan kelas pekerja *secara menyeluruh*, bukan sahaja bagi minoriti kecil, telah menjadi lebih baik di bawah kapitalisme dalam abad yang lalu ini.

Imperialisme dan reformisme

Seperti yang kita telah melihat, terdapatnya hubungan rapat di antara perluasan kapitalisme imperialis dan kebangkitan Reformisme. Dengan merisikokan pengulangan, kami percaya ada baiknya menyimpulkan hubungan di antara kedua-duanya:

- Pasaran-pasaran di negara-negara mundur, dengan meningkatkan tuntutan barangan dari negara-negara maju, melemahkan kebiasaan untuk pengeluaran lebihan di sana, mengurangkan tentera simpanan penganggur, dan maka membawa pembaikan dalam taraf gaji di negara-negara perindustrian.
- Peningkatan dalam gaji yang dibawa dalam cara ini mempunyai kesan kumulatif. Dengan meningkatkan pasaran dalaman di negara-negara perindustrian, kebiasaan untuk pengeluaran lebihan dilemahkan, pengangguran berkurangan, gaji meningkat.
- Pengeksportan kapital menambah kepada kemakmuran negara-negara perindustrian sambil ia menciptakan pasaran bagi barangan mereka – sekurang-kurangnya buat seketika. Pengeksportan barangan kapas dari Britain ke India menganggo bahawa India dapat membayar dengan serta merta, dengan mengeksportkan kapas, misalnya. Dalam tangan sebelah, pengeksportan kapital bagi pembinaan landasan keretapi menganggap pengeksportan barangan – landasan, lokomotif dan sebagainya – melintasi kuasa pembelian, atau kuasa pengeksportan, India. Dalam erti kata lain, buat seketika, pengeksportan kapital adalah faktor penting untuk membesarkan pasaran bagi industri-industri negara maju.

Kesan bumerang

Namun, dalam jangka masa panjang, faktor ini menjadi yang bertentangan: kapital setelah dieksport, menghalang pengeksportan barangan dari negara ‘ibu’ selepas negara-negara kolonial mula membayar keuntungan atau faedah baginya. Untuk membayar keuntungan sebanyak £10 juta kepada Britain (bagi kapital Britain yang dilaburkan di India), India perlu mengimport kurang daripada ia mengeksport, dan maka menjimatkan duit sebanyak £10 juta. Dalam erti kata lain, tindakan mengeksport kapital dari Britain ke India meluaskan pasaran bagi barangan Britain: pembayaran faedah dan keuntungan bagi kapital Britain yang sedia ada di India menghadkan pasaran bagi barangan Britain.

Maka, kewujudan pelaburan kapital Britain di luar negara sama sekali tidak mengecualikan pengeluaran lebihan dan pengangguran berleluasa di Britain. Bertentangan dengan pandangan Lenin, keuntungan tinggi dari kapital yang dilaburkan di luar negara mungkin tidak akan menjamin kemakmuran kapitalis dan kestabilan di negara Imperialis, tetapi dapat membawa pengangguran berleluasa dan kemerosotan.

Pengeksportan kapital ke negara-negara jajahan mempunyai kesan pada seluruh pasaran kapital di negara Imperialis. Walaupun lebih kapital yang mencari pelaburan adalah kecil, pengaruh kumulatifnya mungkin besar, kerana ia dapat mewujudkan tekanan di pasaran-pasaran kapital, dan menguatkan peraliran ke bawah bagi kadar keuntungan. Ini kemudiannya akan membawa kesan kumulatif pada aktiviti sendiri pada kapital, pada seluruh aktiviti ekonomi, pada pengangguran, dan maka pada kuasa pembelian rakyat, dan maka sekali lagi dalam kitaran ganas, pada pasaran.

Pengeksportan kapital lebih dapat mengatasi masalah-masalah ini dan maka menjadi sangat penting bagi seluruh kemakmuran kapitalis, dan maka bagi Reformisme.

Maka, dengan meringankan tekanan pada pasaran-pasaran kapital, pengeksportan kapital mengurangkan persaingan di antara perusahaan-perusahaan, dan maka mengurangkan keperluan bagi setiap satu untuk “merasionalisasikan dan memodenisasikan peralatannya. (Ini, lebih kurang, menjelaskan kemunduran teknikal industri Britain, iaitu pendahulu revolusi perindustrian, berbanding dengan Jerman pada hari ini, misalnya.) Ini melemahkan kebiasaan menuju pengeluaran lebih dan pengangguran, pemotongan gaji, dan sebagainya. (Sememangnya, dalam keadaan-keadaan yang berubah, di mana Britain tidak lagi mempunyai monopoli pada dunia perindustrian, faktor ini mungkin sekali menyebabkan kekalahan industri Britain pada pasaran dunia, pengangguran dan pemotongan gaji.)

Membeli bahan-bahan mentah dan barangan makanan yang murah di negara-negara jajahan membenarkan gaji benar di negara-negara perindustrian untuk ditingkatkan tanpa pemotongan kadar keuntungan. Peningkatan gaji ini bermakna pasaran-pasaran domestik yang lebih luas *tanpa* pengurangan dalam kadar dan jumlah keuntungan, iaitu, tanpa melemahkan kuasa motif pengeluaran kapitalis.

Zaman semasa negara-negara kolonial pertanian digunakan untuk meluaskan pasaran-pasaran bagi negara-negara perindustrian akan berlanjutan lama sejajar dengan (a) saiz dunia kolonial berbanding dengan kuasa produktif negara-negara perindustrian maju, dan (b) sejauh mana perindustrian negara-negara kolonial dilambatkan.

Kepentingan tertera dalam nasionalisme

Segala kesan baik Imperialisme pada kemakmuran kapitalis akan melesap jika tidak terdapatnya sempadan kebangsaan di antara negara-negara perindustrian Imperialis dan negara-negara jajahan mereka.

Britain telah mengeksport barangan dan kapital ke India dan mengimport bahan-bahan mentah dan barangan makanan murah, tetapi ia tidak membenarkan golongan penganggur di India – yang meningkat dalam jumlah akibat serangan kapitalisme Britain – memasuki pasaran pekerja Britain. Jika bukan kerana halangan ini (halangan kewangan) kepada imigrasi rakyat India ke Britain, gaji di Britain tidak akan meningkat dalam abad yang lalu. Krisis kapitalisme sudah pasti menjadi semakin mendalam. Reformisme tidak akan dapat menggantikan tempat Cartisme revolusioner.

Di sini sekali lagi, kelemahan teori Lenin mengenai bangsawan pekerja ditunjukkan dengan jelas. Menurut Lenin, Reformisme adalah anak kelahiran zaman yang dinamakannya sebagai “peringkat tertinggi kapitalisme” – zaman pengeksportan kapital yang merangkul kadar keuntungan tinggi dan membenarkan serpihan dari keuntungan ini

untuk jatuh ke dalam tangan “bangsawan pekerja.” Zaman pengeksporan kapital besar ini bermula di Britain pada dekad terakhir abad ke-sembilan belas.

Peningkatan gaji sebelum Empayar

Sebenarnya, sesuatu peningkatan mendadak dalam gaji pekerja berlaku tidak lama kemudian: pada tahun 1890, gaji benar pekerja perindustrian di Britain merupakan lebih kurang 66 peratus lebih tinggi daripada tahun 1850 (Layton dan Crowther, *A Study of Prices*). Sebabnya agak jelas: faktor paling penting dalam gaji benar yang semakin baik di Britain merupakan perluasan peluang pekerjaan – perluasan pengeluaran – berdasarkan pembesaran pasaran bagi barangan perindustrian. Dan ini berlaku jauh sebelum pengeksporan kapital.

Untuk mengatakannya dengan kasar, di antara tahun 1750 dan 1850, apabila pengeluaran industri Britain yang meningkat bersama dengan kebinasaan ramai tukang Britain dan petani Ireland, mereka memasuki pasaran pekerja Britain dan maka mengekalkan gaji pada tahap rendah. Tetapi sejak pertengahan abad ke-sembilan belas, tukang-tukang Britain dan, selepas tahun ‘Empat-Puluhan Lapar’, penduduk pertanian lebihan dari Ireland, antara diserap ke dalam industri Britain, atau berhijrah. Sejak itu, ia merupakan tukang dan petani India yang dibinasakan oleh persaingan dengan industri Britain – tetapi mereka tidak memasuki pasaran pekerja Britain untuk merendahkan gaji.

Bahawa titik perubahan dalam peralihan gaji Britain berlaku jauh sebelum akhir abad ke-sembilan belas, dan sebenarnya pada masa apabila golongan tukang-tukang dan petani tempatan yang menganggur sudah diserap ke dalam industri sambil penganggur kolonial dihalang daripada memasuki pasaran pekerja Britain, iaitu pada tahun tuga puluhan dan lima puluhan dalam abad ke-sembilan belas, adalah jelas daripada rajah menarik berikut:

Rajah 2: Gaji Benar, Tahun 1759 sehingga 1903 (1900 : 100)

Dekad-dekad dan kitaran perdagangan	Indeks
1759-1768	62
1769-1778	60
1779-1788	60
1789-1798	58
1799-1808	50
1809-1818	43
1819-1828	47
1820-1826	47
1827-1832	48
1833-1842	51
1843-1849	53
1849-1858	57
1859-1868	63
1869-1879	74
1880-1886	80
1887-1895	91
1895-1903	99

(Dari U. Kuczynski, *A Short History of Labour Conditions in Great Britain: 1750 to the Present Day*, London, 1947, muka surat 54)

Kesan-kesan Imperialisme pada kemakmuran kapitalis, dan maka pada Reformisme, tidak menghadkan dirinya kepada Kuasa-Kuasa Imperialis, tetapi menyebar ke hampir kesemua negara kapitalis maju. Maka, sebuah Britain yang makmur, misalnya, dapat menawarkan pasaran yang luas kepada mentega Denmark, dan maka menyebarkan keuntungan yang dirangkul oleh kapitalis Britain daripada pengeksploitasian Empayar kepada kapitalis Denmark.

Dasar ekonomi kepada Hak

Perluasan kapitalisme melalui imperialisme telah menjadikannya tidak mustahil bagi kesatuan-kesatuan pekerja dan Parti-Parti Buruh untuk merangkul kejayaan kecil bagi pekerja dari kapitalisme tanpa menumbangkannya. Ini membangkitkan birokrasi Reformis besar, yang dalam gilirannya, menghalang perkembangan revolusioner kelas pekerja. Fungsi utama birokrasi ini adalah sebagai pengantara bagi pekerja dan pihak majikan, untuk bertoleransi, merundingkan perjanjian di antara mereka, untuk “mengekalakan kedamaian” di antara kelas-kelas.

Birokrasi ini menginginkan kapitalisme makmur, bukannya penumbangkannya. Ia menginginkan pertubuhan-pertubuhan pekerja bukannya untuk menjadi kuasa revolusioner, tetapi untuk menjadi kumpulan-kumpulan tekanan Reformis. Birokrasi ini merupakan pegawai disiplin utama dalam kelas pekerja demi kepentingan kapitalisme. Ia merupakan kuasa konservatif utama dalam kapitalisme moden.

Tetapi birokrasi kesatuan pekerja dan Parti Buruh adalah mantap dalam mendisiplinkan kelas pekerja dalam jangka masa panjang hanya sekadar mana keadaan-keadaan ekonomi pekerja sendiri dapat diterima. Dalam kajian terakhir, dasar Reformisme adalah kemakmuran kapitalis.

Imperialisme buruh

Jika Reformisme berakar dalam Imperialisme, ia juga menjadi perisai penting baginya, menyokong Imperialisme kebangsaannya ‘sendiri’ menentang pesaing-pesaing Imperialis dan menentang gerakan-gerakan kolonial yang bangkit.

Reformisme mencerminkan kepentingan serta-merta, seharian, sempit seluruh kelas pekerja di negara-negara kapitalis Barat di bawah keadaan-keadaan kemakmuran ekonomi umum. Kepentingan-kepentingan serta-merta ini adalah dalam percanggahan dengan kepentingan bersejarah dan antarabangsa kelas pekerja, bagi Sosialisme.

Oleh kerana kemakmuran kapitalis, bersama dengan keadaan-keadaan yang agak baik dalam pasaran pekerja, dapat dibantu oleh perluasan Imperialis, oleh pengeksploitasian di negara-negara jajahan, Reformisme telah menjadi sedikit sebanyak perluasan penguasaan Imperialis ke atas negara-negara mundur.

Namun, oleh kerana kemakmuran dengan lebih kurang pekerjaan penuh gaji yang dapat diterima, mungkin dibangkitkan oleh ekonomi peperangan berterusan (lihat rencana saya, ‘Perspektif-perspektif mengenai ekonomi peperangan berterusan,’ *Socialist Review*, Mei 1957), Reformisme juga mempunyai akar ekonomi di mana ekonomi peperangan Imperialis menggantikan perluasan Imperialis.

Ekonomi peperangan

Semasa tahun tiga puluhan, berhadapan dengan kemerosotan ekonomi sedunia, pengangguran dan Fasisme, ia kelihatan seperti dasar Reformisme dilemahkan selama-lamanya. Menulis pada masa itu dan meramalkan masa depan, Trotsky menulis: “Pada zaman kapitalisme mereput, secara umumnya, tidak terdapatnya perbincangan mengenai reformasi-reformasi sosial sistematik dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat, apabila setiap tuntutan serius proletariat dan setiap tuntutan serius borjuasi kecil secara tidak dapat dielakkan mencapai di sebalik hubungan harta kapitalis dan kerajaan borjuasi” (*The Death Agony of Capitalism*).

Jika reformasi-reformasi serius tidak lagi menjadi kemungkinan di bawah kapitalisme, maka loceng kematian demokrasi parlimen borjuasi dibunyikan dan akhir Reformisme sudah mendekati.

Perang dunia, sebagai penajam percanggahan-percanggahan dalam kapitalisme, akan membawa pencepatan proses-proses ini menurut Trotsky.

Namun, ramalan Trotsky tidak menepati kehidupan sebenar. Peperangan tersebut, dan ekonomi peperangan berterusan memberikan nafas kehidupan baru kepada kapitalisme dan maka kepada Reformisme di kebanyakan negara-negara kapitalis Barat.

Dengan sendiri, peningkatan pergantungan Reformisme pada ekonomi peperangan berterusan menunjukkan kemufliannya dan keperluan bagi penumbangan kapitalisme secara revolusioner bersama dengan dua adiknya – ekonomi peperangan berterusan dan Reformisme. Namun, kemuflian Reformisme belum lagi tertera kepada setiap pekerja melalui pengalaman sehariannya. Seperti yang saya telah mencuba untuk menunjukkan dalam rencana saya dalam terbitan *Socialist Review* pada bulan Mei, ia akan mengambil beberapa tahun sebelum ekonomi peperangan berterusan membawa kemerosotan besar dalam keadaan-keadaan pekerja, dan maka kepada kelayuan akar Reformisme.

Untuk ini berlaku, ia bukan diperlukan, sememangnya, bahawa taraf kehidupan pekerja dihancurkan sepenuhnya. Seorang pekerja Amerika Syarikat akan bertindak dengan kuat lepada ancaman kepada kereta atau televisionnya, walaupun pekerja di negara-negara lain mungkin melihat benda-benda ini sebagai kemewahan. Pada tahap di mana reformasi-reformasi yang lalu diterima sebagai keperluan-keperluan, sesuatu sisi reformasi baru menjadi aliran peristiwa yang dianggap akan berlaku. Dengan makanan datangnya selera makan. Namun, apabila kapitalisme mereput sehingga tahap apabila mana-mana tuntutan serius kelas pekerja tidak dapat dihadiahkan olehnya, loceng kematian akan berbunyi bagi Reformisme.

Pemahaman baik mengenai dasar-dasar Reformisme, kekuatan dan kedalamannya, serta faktor-faktor yang mengutarakannya, adalah perlu bagi pemahaman mengenai gerakan Sosialis masa depan. Seperti yang Engels menulis lebih seratus tahun yang lalu: “Keadaan kelas pekerja adalah dasar benar dan titik pertolakan bagi segala gerakan sosial pada masa ini... Pengetahuan mengenai keadaan-keadaan proletariat adalah sangat penting untuk memberikan dasar kukuh bagi teori-teori sosialis” (Keterengan kepada *The Condition of the Working Class in England*).

Sememangnya, malah apabila dasar ekonomi Reformisme telah menjadi layu, Reformisme

tidak akan meninggal dunia dengan sendiri. Pelbagai idea masih kekal lama selepas kelesapan keadaan-keadaan materialis yang mengutarakannya. Penumbangan Reformisme akan dilaksanakan oleh tindakan revolusioner sedar, oleh propaganda dan aktiviti Sosialis. Tugas mereka akan dimudahkan oleh penajaman percanggahan-percanggahan dalam kapitalisme.

Setiap perjuangan kelas pekerja, meskipun terhad, dengan meningkatkan keyakinan diri dan pendidikan, akan melemahkan Reformisme. "Dalam setiap permogokan, seseorang melihat seratus satu kepala Revolusi." Tugas utama Sosialis sejati adalah untuk menyatukan dan mengumumkan pelajaran-pelajaran yang dialami dalam perjuangan-perjuangan seharian. Maka, ia dapat menentang Reformisme.

<http://arts.anu.edu.au/suara/cliff1.rtf>